



Kepentingan Mengkaji dan Meneliti Sejarah Umat Terdahulu

1. Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu, iaitu:

Contoh	Sebab kejayaan	Akibat
Kaum Nabi Yusuf a.s.	Menyimpan bekalan semasa musim menuai atas nasihat Nabi Yusuf a.s.	Selamat menghadapi kemarau panjang selama 7 tahun
Thalut dan tenteranya	Mempunyai kelebihan ilmu pengetahuan dan tubuh badan yang kuat	Dapat menewaskan tentera Jalut yang ramai

2. Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu, iaitu:

Contoh	Sebab kemusnahan	Akibat
Kaum Ad (Umat Nabi Hud a.s.)	Bersifat kufur dan menolak ajaran Nabi Hud a.s.	Dibinasakan dengan angin puting beliung
Kaum Thamud (umat Nabi Saleh a.s.)	Bersifat angkuh dan menuduh Nabi Saleh pendusta	Dibinasakan dengan petir dan gempa bumi yang dahsyat
Kaum Lut (Umat Nabi Lut a.s.)	Ingkar perintah Allah dengan mengamalkan homoseksual	Dibinasakan dengan bumi diterbalikkan

3. Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan dengan berpegang teguh pada akidah yang benar dan berakhlak mulia.